



**1. PEGAWAI KESIHATAN KANAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
B.3 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (1)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) i) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam salah satu bidang berikut:
 - Sain / Sains Perubatan / Sains Kesihatan.
 - Pendidikan Kesihatan.
 - Promosi.
 - Pemasaran.
 - Komunikasi Massa.
 - Pehubungan Media.
 - Public Health.
 - Nutrition.
 - Sport Science.
 - Exercise Physiology.
 - Epidemiology.
 - Research Methodology.
- ii) Telah berkhidmat di Kementerian Kesihatan sebagai Pegawai Pelajaran kesihatan atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- b) Bagi yang tidak mempunyai ijazah, hendaklah telah berkhidmat di Kementerian Kesihatan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.
2. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI KESIHATAN KANAN:

1. Membantu Ketua Fungsi/ Pengawai Kanan didalam menyelaras dan menyebar program-program mempromosikan kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan termasuk merancang, membentuk, mengimplementasi, memantau dan menggalakkan penglibatan orang ramai dalam program tertentu.
2. Membantu Ketua Fungsi/Pegawai Kanan sebagai pegawai rujuk dalam hal ehwal yang berkaitan dengan pameran promosi kesihatan.
3. Membantu Ketua Fungsi/Pegawai Kanan dan bertanggungjawab dalam pembentukan dan perlaksanaan dasar-dasar, strategi-strategi kesihatan, garispandu dan peraturan yang menjurus ke arah penyampaian perkhidmatan yang berkualiti tinggi dan cemerlang.
4. Memantau serta memastikan pengemaskinian dan penyemakan semua dasar yang sedia ada dari semasa ke semasa agar dasar tersebut relevan dan selaras dengan dasar-dasar negara terkini dan hala tuju sektor kesihatan dan negara.
5. Memantau Ketua Fungsi/Pegawai Kanan dalam berperanan sebagai penggerak utama/penyelaras/pemudahcara/pemantau/penganalisa program atau aktiviti mempromosikan kesihatan yang berskala besar.
6. Menghasilkan strategi komunikasi unit/fungsi yang dinamik dan memastikan perlaksanaan dan penyampaian komunikasi yang efektif diantara Kementerian Kesihatan dengan *stakeholder internal* dan *external* serta berkebolehan dalam menghadapi orang ramai termasuk wartawan dan media masa.
7. Menjalankan kerja-kerja pengurusan sumber dan kakitangan kesihatan di unit/fungsi tempat ditugaskan bila diperlukan.
8. Menyediakan perancangan perbelanjaan tahunan dan mengurus hal-hal kewangan unit/fungsi.



9. Mengetuai dan menyelia seksyen-seksyen di bawah unit/fungsi termasuk menyediakan perancangan dan pelan kerja tahunan unit/fungsi dan menganalisa perkembangan dan pencapaian unit/fungsi.
10. Jika berkenaan, mewakili Negara dalam menghadiri persidangan antarabangsa, mesyuarat antarabangsa, kursus atau bengkel meningkatkan profesionalisme dan sebagainya.
11. Sebagai *"leader"* dan *"developer"* kepada pegawai dan kakitangan yang dibawah tanggungjawab dalam menerajui unit/fungsi.
12. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang akan diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.